

UMP, KYP jalin MoU tingkat kerjasama

PEKAN 6 Feb. - **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Kolej Yayasan Pahang (KYP) bagi meningkatkan kerjasama dari segi pembangunan akademik, penyelidikan dan bahan penerbitan dalam satu majlis di sini semalam.

Majlis itu menyaksikan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) universiti itu, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus menandatangani memorandum tersebut bagi pihak UMP, manakala KYP diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Norhishamuddin Yaacob serta Pengerusi Penasihat Akademiknya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin.

Daing Nasir berkata, kerjasama meliputi bidang akademik, pertukaran staf, pengajian pascasiswazah, penganjuran persidangan, pembangunan bakat, pembangunan penuntut, penyelidikan bersama dan khidmat komuniti yang dikenal pasti oleh kedua-dua belah pihak.

"Hasil kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kedua-dua institusi pendidikan tinggi ini dari aspek pengembangan *core business* masing-masing tetapi berstrategik dan signifikan bagi membantu KYP mencapai taraf kolej universiti tidak lama lagi," katanya pada majlis berkenaan.

Dalam majlis sama, UMP dan

Yayasan Pahang melancarkan jurnal integriti yang menyaksikan tiga terbitan berkualiti hasil kerjasama strategik dimanfaatkan kedua-dua pihak terutama dalam konteks pemantapan amalan tadbir urus, integriti serta etika.

Tiga jurnal tersebut ialah *Journal of Integrity & Governance*; *ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS): The Development of Measurement and a Preliminary Study of Three Organisations* dan juga *Ethics, Corporate & Social Responsibility and Audit Services of SMEs*.

Dalam pada itu, Daing Nasir berkata, kesungguhan UMP meneroka prospek kerjasama dengan Yayasan Pahang membawa kepada penubuhan Pusat Tadbir Urus dan Integriti (FGIC) di Fakulti Pengurusan Industri UMP sejak 2016.

Kata beliau, ia juga merupakan hasil komitmen, inisiatif dan peranan yang diterajui oleh dua ahli akademik kanan universiti berkenaan iaitu Prof. Datuk Dr. Ishak Ismail serta Prof. Datuk Hasnah Haron dari Fakulti Pengurusan Industri.

"Selain penubuhan FGIC, kerjasama tersebut turut merangkumi pembangunan *Anti-Bribery Management System (ABMS)* dan edisi sulung *FGIC Conference On Governance & Integrity* yang dilancarkan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob tahun lalu," katanya.

utusan malaysia 7 Feb 2018 (PABU) n/s = 26
(ALAM Akademik)



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan **Norhishamuddin Yaacob** (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh **Rosli Mohd. Yunus** (kiri) dan **Ahmad Zainuddin** dalam Majlis Menandatangani MoU antara UMP dan KYP di universiti berkenaan di Pekan, Pahang, kelmarin.